

Pakar saran kerajaan kaji semula usaha perangi pandemik

Kuala Lumpur: Keresahan terhadap akses kepada ekonomi, sosial dan pendidikan antara punca fokus masyarakat memerangi pandemik COVID-19, teralih.

Keadaan itu diburukkan lagi apabila orang ramai semakin tertekan dan keletihan kerana berdepan krisis berpanjangan berkaitan pandemik COVID-19, sejak lebih setahun lalu.

Pensyarah Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata tidak dinafikan masyarakat memahami prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Bagaimanapun, katanya, tahap pematuhan semakin berkurangan sejurus ketibaan vaksin yang diburukkan lagi menerusi polemik layanan dwistandard, terhadap golongan tertentu.

“Kita secara keseluruhan perlu kembali kepada matlamat asal, iaitu memerangi pandemik COVID-19 secara bersama-sama.

“Setiap individu perlu memainkan peranan dengan menilai tahap pematuhan SOP dalam kalangan keluarga dan diri sendiri.

“Semua pihak juga perlu kurangkan pandangan tidak rasional yang boleh membangkitkan kemarahan dan tekanan dalam kalangan rakyat,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang menyifatkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat memerangi COVID-19 masih kurang, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kes positif.

Ditanya tindakan wajar dilakukan bagi mengatasi masalah itu, Dr Malina berkata, kerajaan seharusnya mengkaji semula beberapa perkara berkaitan memerangi pandemik COVID-19.

“Ini termasuk pelaksanaan sekatan pergerakan penuh dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilihat gagal menurunkan angka kes positif secara signifikan.

“Selain itu, kaedah pemberian vaksin sedia ada perlu diteliti semula dan disesuaikan dengan keadaan domestik. Jangan nampak cantik di atas kertas, tetapi pelaksanaan kurang berkesan.

“Dalam keadaan sekarang, masyarakat terlalu letih, manakala sistem kesihatan negara tidak dapat berfungsi dengan baik kerana terpaksa menumpukan perhatian kepada rawatan kes COVID-19 sedangkan banyak lagi penyakit lain memerlukan rawatan,” katanya.